

25 NOV 1999
Khalil-Iklan

IKLAN PILIHAN RAYA DALAM MEDIA TAK ADA KENA MENGENA DENGAN BN

KUALA TERENGGANU, 25 Nov (Bernama) -- Iklan pilihan raya dalam media utama yang menyokong dan meminta rakyat mengundi Barisan Nasional (BN) dibayar oleh pihak yang bersimpati kepada parti itu, kata Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob hari ini.

Beliau berkata, "iklan ini tak ada kena mengena dengan Umno baik BN. Ini semua dibuat oleh pihak-pihak sukarela yang bersimpati dan yang menyokong perjuangan kita."

Khalil yang juga pengarah operasi pilihan raya BN berkata, iklan-iklan itu berbentuk komersil yang dibayar oleh pihak tertentu dan bukan oleh Umno atau BN.

"Memanglah kita berterima kasih kerana mereka ini dapat memikirkan bentuk iklan yang sangat berkesan yang menuju kepada masalah sebenar menjawab isu-isu yang selama ini diungkitkan oleh pihak lawan," katanya kepada pemberita dalam rangka lawatannya untuk melihat jentera parti di sini.

Sejak kempen pilihan raya bermula, iklan-iklan mempertikaikan kebolehan pemimpin-pemimpin parti pembangkang dan meminta rakyat mengundi BN kerap, disiarkan dalam media cetak dan elektronik.

DAP pada 21 Nov lepas membuat laporan polis terhadap BN berhubung iklan satu muka penuh dalam akhbar-akhbar utama yang didakwa bertujuan mengancam pengundi dan menghalang mereka daripada mengundi dengan bebas.

Parti itu telah membuat laporan bagi kesalahan mengikut Kanun Keseksaan Dan Akta Hasutan dan juga Akta Pilihan Raya 1954. Parti Keadilan juga telah membuat laporan polis mengenai iklan itu.

Khalil berkata, "kalau ada dalam media dan TV sekalipun...ini semua datang daripada satu golongan sukarelawan yang bersimpati dan menyokong perjuangan BN."

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada pelancaran manifesto BN baru-baru ini berkata, iklan-iklan itu hanya mengingatkan kebenaran dan memaparkan apa yang benar dan bukan untuk menakut-nakutkan rakyat.

Mengenai kemampuan BN dalam memenangi kawasan-kawasan yang disifatkan sebagai kelabu (kubu kuat pembangkang) sebelum ini, katanya, "yang kelabu jadi hitam tak ada tetapi yang kelabu jadi putih ada" dan BN yakin ia boleh menang.

Pemerhati asing bebas yang turut memerhatikan perjalankan pilihan raya umum ini juga mengakui bahawa BN boleh menang.

Mengenai peluang BN menang di Kelantan, katanya, trend di negeri itu menampakkan peningkatan sokongan rakyat kepada BN berikutan penjelasan pemimpin-pemimpin BN yang nampaknya sudah mula dan menyakinkan rakyat terhadap kemampuan BN.

-- BERNAMA

GM PR